

*BAB* 5

*PENUTUP*

## **Pendahuluan**

Sebagai penutup kepada disertasi ini, penulis ingin membuat kesimpulan terhadap apa yang telah diterangkan di dalam bab-bab yang lepas dan seterusnya mengemukakan beberapa cadangan.

### **5.1 Kesimpulan**

Ijtihad merupakan suatu aktiviti yang disyariatkan oleh Islam kepada golongan yang mempunyai kelayakan pada setiap masa dan tempat dalam perkara-perkara yang tidak dinyatakan secara pasti oleh syarak. Ia begitu diperlukan pada hari ini bagi menghadapi perkembangan-perkembangan hidup manusia yang sentiasa berubah yang adakalanya memerlukan penjelasan syarak.

Bagi menjayakan ijtihad dengan lebih baik lagi, ia hendaklah dilaksanakan secara kolektif atau disebut sebagai ijtihad *jamā'ī*. Ijtihad *jamā'ī* adalah suatu bentuk ijtihad yang pernah diamalkan semenjak dari zaman sahabat lagi. Ia merupakan salah satu daripada bentuk-bentuk syura yang terdapat di dalam Islam. Ia juga merupakan bentuk ijtihad yang terbaik untuk diamalkan oleh *fugahā'* masa kini kerana mempunyai banyak kelebihan.

Terdapat beberapa institusi yang telah ditubuhkan samada di peringkat antarabangsa mahupun di peringkat nasional yang melaksanakan ijtihad *jamā'ī*. Di Malaysia terdapat beberapa institusi yang ditugaskan yang menjalankan tanggungjawab ini. Salah sebuah institusi tersebut ialah Jemaah Ulama Negeri Kelantan yang telah ditubuhkan kira-kira 80 tahun yang lalu oleh Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Negeri Kelantan, yang diberi peranan untuk menjalankan

tanggungjawab ini. Bagi menjayakan ijihad *jamā'ī* ini, Jemaah Ulama Negeri Kelantan telah dianggotai oleh para ulama yang terdiri dari pelbagai aliran seperti tokoh-tokoh akademik dan ulama tradisional.

Dalam melaksanakan ijihad *jamā'ī*, terdapat beberapa pendekatan yang boleh diambil oleh institusi tersebut seperti pendekatan ijihad *insyā'ī*, ijihad *tarjīhī* dan ijihad *fī al-mutaghayyirāt*. Salah satu pendekatan tersebut ialah pendekatan ijihad *tarjīhī*, telah diamalkan oleh Jemaah Ulama Negeri Kelantan bagi menyelesaikan beberapa permasalahan umat Islam dalam melakukan aktiviti-aktiviti kehidupan mereka samada berbentuk keagamaan mahupun keduniaan.

Situasi-situasi tertentu yang berlaku dalam kehidupan umat Islam hari ini menjadi faktor utama yang mendorong Jemaah Ulama Negeri Kelantan melaksanakan pendekatan ini dalam mengeluarkan fatwa-fatwa.

Pendekatan ini dilihat dilaksanakan dengan lebih aktif lagi semenjak kemasukan beberapa tokoh akademik menganggotai Jemaah Ulama. Ini kerana mereka mempunyai kecendurungan kepada ijihad dalam mengeluarkan fatwa berbanding ulama tradisional yang lebih gemar bertaklid.

Sepanjang tahun 1992-1999 terdapat tujuh keputusan mesyuarat Jemaah Ulama yang dibuat melalui pendekatan ijihad *tarjīhī*. Keputusan ini diambil bagi menyelesaikan beberapa permasalahan umat Islam di Kelantan khususnya dalam melakukan aktiviti kehidupan mereka. Keputusan tersebut dibuat berdasarkan

kepada beberapa neraca *pentarjihān* seperti kekuatan dalil, kepentingan umum, menolak kerumitan, mendatangkan kebaikan dan darurat.

Hal ini sekaligus membuktikan kemampuan pendekatan ijтиhad *tarjīhī* dalam memberi penyelesaian syarak terhadap permasalahan-permasalahan yang sedang berlaku dalam kehidupan umat Islam. Begitu juga bagi menghadapi perkembangan-perkembangan baru yang akan berlaku dalam kehidupan manusia hari ini.

Pendekatan ini menjadi suatu bukti bahawa syariat Islam merupakan syariat yang sesuai untuk setiap masa dan tempat. Ia mempunyai kelenturannya yang tersendiri bagi membolehkannya berhadapan dengan pelbagai situasi semasa serta perkembangan-perkembangan hidup manusia yang sentiasa berubah dari masa ke semasa.

## 5.2 Cadangan

Bagi menjayakan lagi ijтиhad *jamā'ī* dan pendekatan ijтиhad *tarjīhī* dengan lebih baik di masa akan datang, penulis mengemukakan beberapa cadangan yang ditujukan kepada tiga pihak yang utama iaitu Jemaah Ulama Negeri Kelantan, insititusi-institusi fatwa yang lain dan pihak-pihak lain.

. Perlunya sistem pengajian Islam di peringkat universiti dipertingkatkan sukatannya dari masa ke semasa supaya ia dapat melahirkan ramai ulama yang benar-benar menguasai ilmu-ilmu Islam seterusnya melayakkan mereka untuk melakukan ijтиhad. Hasilnya ijтиhad yang dikeluarkan nanti benar-benar menepati

kehendak syarak dan tidak menyeleweng daripada al-Quran dan Sunnah. Hal ini akan menyebabkan ijтиhad *jamā'ī* dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin.

Para ulama yang benar-benar berkelayakan untuk berijтиhad perlulah berani mengemukakan ijтиhad mereka dan bersedia untuk membincangkannya melalui ijтиhad *jamā'ī* sama ada melalui institusi fatwa, seminar-seminar dan sebagainya. Ini supaya ijтиhad yang dihasilkan benar-benar sesuai untuk dipraktikkan oleh masyarakat Islam setempat.

Penulis juga mencadangkan pendekatan ijтиhad *tarjihī* ini dijalankan dengan lebih aktif lagi di masa hadapan oleh Jemaah Ulama Negeri Kelantan dengan menjadikannya sebagai suatu pendekatan yang utama dalam mengeluarkan fatwa. Ini bagi menghadapi perkembangan-perkembangan dalam kehidupan manusia seterusnya yang dijangka akan lebih mencabar. Ini tidak bermakna seksyen 37 (1) dan Enakmen Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan bil. 4 tahun 1994 perlu dipinda, tetapi kelonggaran yang ada pada seksyen 37 (2) perlulah digunakan dengan sepenuhnya bagi melaksanakan pendekatan ini.

Bagi mempastikan pendekatan ini dapat dilaksanakan dengan sebaik-baiknya oleh Jemaah Ulama Negeri Kelantan, penulis mencadangkan keanggotaannya perlulah melibatkan lebih ramai ilmuan tempatan yang benar-benar berkelayakan yang terdiri dari pelbagai bidang pengajian Islam. Keanggotaannya mungkin boleh ditingkatkan hingga duapuluh orang. Hal ini akan membolehkan kekurangan yang ada pada anggota lain dapat ditampung oleh anggota yang lain.

Walaupun pendekatan ini telah dilaksanakan oleh Jemaah Ulama dengan baik sekali setakat ini, namun ia boleh diperkemaskan dengan lagi dengan melakukannya secara lebih menyeluruh tanpa terikat bulat-bulat dengan *pentarjīḥan* yang dibuat oleh mana-mana ulama masa kini. Ini supaya Jemaah Ulama dilihat benar-benar melakukan pendekatan *ijtihad tarjīḥī* dalam erti kata yang sebenar. Apa yang penulis lihat, dalam beberapa isu yang dibincangkan oleh Jemaah Ulama Negeri Kelantan, mereka dilihat terpengaruh dengan *pentarjīḥan* yang dibuat oleh beberapa orang ulama masa kini seperti Yūsuf al-Qaraḍāwī dan Wahbah al-Zuḥaylī.

Ini tidak bermakna *pentarjīḥan* mereka tidak diterima, tetapi apa yang penulis ingin tegaskan ialah walaupun Jemaah Ulama menerima *pentarjīḥan* tokoh-tokoh tersebut tetapi biarlah mereka turut mempunyai hujah-hujah mereka yang tersendiri. Hal ini supaya mereka dilihat benar-benar melakukan *ijtihad tarjīḥī* dalam serti kata yang sebenar dan bebas daripada unsur-unsur taklid kepada tokoh-tokoh tersebut.

Begini juga penulis mencadangkan pendekatan ini turut diamalkan secara aktif oleh institusi-institusi fatwa lain di dalam negara. Ini kerana permasalahan-permasalahan umat Islam hari ini boleh diselesaikan melalui pendekatan ini. Untuk itu, keanggotaannya juga mestilah menyeluruh dengan melibatkan ramai ilmuan-ilmuan agama dari pelbagai bidang pengajian Islam.

Di samping itu, kajian-kajian seterusnya boleh dilakukan terhadap institusi-institusi fatwa yang lain bagi melihat sejauh mana pendekatan ini dilaksanakan

oleh institusi tersebut. Begitu juga kajian boleh dilakukan bagi melihat perlaksanaan pendekatan-pendekatan ijтиhad *jamā'i* yang lain oleh institusi-institusi tersebut.

Untuk itu, pendekatan ini perlu dipopularkan oleh para ilmuan melalui seminar-seminar dan pembentangan-pembentangan kertas kerja supaya terhasil penulisan-penulisan yang banyak dan berkualiti berkenaan dengan pendekatan ini sekaligus dapat memberi gambaran yang lebih jelas kepada para ilmuan berkenaan dengannya.

Oleh kerana kemampuan pendekatan ijтиhad *tarjīhī* memberi penyelesaian syarak kepada permasalahan umat Islam di negara kita, penulis berpendapat pendekatan ini juga boleh dijadikan sebagai salah satu metodologi ke arah perlaksanaan *fiqh* Malaysia. Ini kerana melalui pendekatan ini para ulama tempatan boleh memilih pendapat *fuqahā'* yang paling sesuai dengan budaya dan adat resam masyarakat Islam di negara kita, selama mana budaya dan adat resam tersebut tidak bercanggah dengan hukum syarak. Hal ini sudah tentu tidak akan dapat dicapai dengan sempurna melainkan melalui aktiviti ijтиhad dan salah satu pendekatan yang sesuai ke arah itu ialah pendekatan ijтиhad *tarjīhī*.

Begitu juga penulis mencadangkan supaya tulisan-tulisan mengenai ijтиhad *jamā'i* dan kelebihan-kelebihannya diperbanyakkan lagi oleh ilmuan-ilmuan tempatan. Ini bagi menambahkan lagi koleksi buku-buku rujukan bagi penulisan-penulisan yang berkaitan dengannya pada masa akan datang. Tulisan-tulisan ini sama ada karya sendiri ataupun berbentuk penterjemahan daripada buku-buku atau kertas

kerja-kertas kerja berbahasa Arab yang telah ditulis oleh tokoh-tokoh ulama dari Timur Tengah dan sebagainya.